

14 AUG 2000

Mahathir-Perkida

MAHATHIR, ABDULLAH BERI PENERANGAN PERPADUAN KEPADA PERKIDA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi penerangan mengenai pentingnya perpaduan kepada Pertubuhan Kebajikan Islam dan Dakwah Malaysia (Perkida) dalam usaha memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat.

Perdana Menteri dan timbalannya itu meluangkan masa kira-kira tiga jam bermula dengan jamuan tengah hari dan kemudiannya memberikan penerangan secara tertutup kepada 500 anggota Perkida dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pemangku Presiden Perkida Haji Jamaluddin Yusof berkata pada perjumpaan itu Dr Mahathir dan Abdullah menegaskan pentingnya rakyat Malaysia mengekalkan perpaduan yang merupakan kunci kepada kejayaan yang dicapai oleh Malaysia selama ini.

"Hanya perpaduan kunci kepada kejayaan kita untuk menjamin negara kita aman, damai, makmur dan rakyat hidup dengan sejahtera," kata Jamaluddin kepada pemberita selepas majlis itu.

Jamaluddin bagaimanapun enggan mengulas lanjut kecuali berkata Perkida berpuas hati dengan penerangan yang diberikan serta penjelasan masalah semasa yang disampaikan oleh kedua-dua pemimpin itu.

Beliau berkata Perkida ingin berjumpa dengan kedua-dua pemimpin itu dan telah memberikan mereka peluang untuk berucap serta menyampaikan penerangan mengenai perkembangan semasa.

Mengenai usaha susulan oleh Perkida setelah diberikan penerangan oleh Dr Mahathir dan Abdullah, Jamaluddin berkata Perkida akan memperkemaskan organisasinya dan menyusun kegiatan supaya dapat berperanan demi perpaduan rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

MNY AHH NMO